

04 JUL 1999

Mahathir-Fitnah

DAKWAAN TERBARU NIK AZIZ SATU FITNAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dakwaan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan wujudnya unsur kafir dalam Umno adalah satu fitnah.

Menurut beliau, sebagai Mursyidul Am PAS, Nik Aziz bebas mengkritik kepimpinan negara tetapi tindakan Nik Aziz menuduh Umno demikian boleh dipertikaikan.

"Ini dia nak fitnah lagi pulak, kata orang kafir, apa semua..," katanya kepada TV3 yang disiarkan dalam Buletin Utama stesen televisyen itu malam ini.

Dr Mahathir ditemuramah oleh TV3 ketika beliau membuat lawatan peribadi ke pusat membeli belah One Utama di Bandar Utama, Petaling Jaya, petang ini.

Perdana Menteri diminta mengulas dakwaan Nik Aziz dalam ceramah politik di Padang Tembak, Pengkalan Chepa, Kelantan pada malam Jumaat lepas bahawa wujudnya unsur kafir dalam Umno.

Pemimpin PAS itu berkata demikian sebagai membalas dakwaan pemimpin-pemimpin Umno akan wujudnya amalan Syiah dan Khawarij dalam parti pembangkang itu.

Nik Aziz mendakwa Umno ada unsur kafir kerana kononnya menolak Al Quran dan Hadis tetapi sebaliknya menggunakan peraturan lain sebagai undang-undang di negara ini.

PAS pernah menggunakan taktik mengkafirkan anggota Umno untuk memancing undi dalam pilihan raya sekitar tahun 80-an.

Bagaimanapun pemimpin parti pembangkang itu baru-baru ini mendakwa anggotanya yang menuduh Umno sebagai kafir tidak lagi bersama parti itu dan isu kafir mengkafir tidak lagi perlu diperbesarkan.

Sementara itu Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata di Kuala Terengganu petang ini, dakwaan Nik Aziz bertujuan mengelirukan orang ramai dan menimbulkan kemarahan rakyat terhadap UMNO.

Pada hakikatnya Umno telah banyak membangunkan Islam dan perjuangannya selama ini bagi kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat adalah berlandaskan Islam.

"Apabila pemimpin PAS melabelkan UMNO sebagai kafir, mereka hanya bertujuan untuk menimbulkan kemarahan di kalangan orang Islam supaya membenci UMNO sedangkan UMNO dan BN telah banyak memberikan sumbangan terhadap pembangunan Islam itu sendiri di negara ini," katanya.

Beliau berkata konsep Islam sudah lama dipraktikkan dalam pentadbiran negara menerusi pelbagai program pembangunan termasuk dalam sistem perbankan Islam yang kini mula diterima-pakai keseluruhan masyarakat dan dicontohi negara-negara Islam lain.

Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir pula berkata di Kota Baharu dakwaan pemimpin PAS akan wujudnya unsur kafir dalam Umno merupakan satu percubaan untuk menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap Umno.

-- BERNAMA

ROZ ZKS PR